

dōTERRA®

GARIS PANDUAN KUTIPAN PESANAN SECARA PUKAL

1. Permintaan kutipan pesanan pukal dan garis masa kutipan ditunjukkan di bawah. Tidak akan ada pengecualian untuk garis masa kutipan. Sila jangan datang untuk mengambil pesanan anda pada hari yang sama anda memohon pengambilan barang. Sila isi Borang Permintaan Kutipan Pesanan Secara Pukal dan hantar ke malaysiabulk@doterra.com. Pastikan anda menerima respond e-mel automatik kami setelah menghantar borang.

Hari Permintaan	Garis Masa Kutipan
Isnin-Jumaat	2 Hari Bekerja
Sabtu-Ahad	3 Hari Bekerja
Cuti Umum (Selasa-Khamis)	2 Hari Bekerja
Cuti Umum (Jumaat-Isnin)	3 Hari Bekerja

2. Borang Permintaan Kutipan Pesanan Secara Pukal mestilah termasuk nama, nombor Penasihat Kesihatan dan nombor pesanan. Pesanan hanya boleh dimasukkan ke dalam permintaan kutipan pesanan secara pukal hanya setelah diproses dan dibayar.
3. Setelah permintaan untuk kutipan telah dicetak, dibungkus dan dilengkapkan, kami tidak akan menambah atau membatalkan sebarang kutipan pesanan.
4. Sila berkomunikasi dengan pihak di mana pesanan mereka telah anda ambil. Pastikan ahli kumpulan anda membenarkan kemasukan pesanan mereka ke dalam permintaan kutipan pesanan secara pukal anda. Malangnya, kami sering mempunyai ahli yang datang ke Pusat Produk mahu mengambil pesanan mereka namun pesanan mereka telah diambil dalam kutipan secara pesanan pukal.
5. Perkhidmatan Pelanggan akan memberi bantuan sekiranya salah seorang ahli pasukan anda mendapati terdapat perbezaan dalam pesanan mereka. Sebarang perbezaan mesti dimaklumkan kepada kami dalam masa 30 hari. Sila pastikan pihak anda menghubungi +603 2633 7888 untuk memaklumkan Perkhidmatan Pelanggan mengenai masalah tersebut.
6. Kami menawarkan perkhidmatan kutipan pesanan secara pukal kepada sesiapa yang datang terus ke Pusat Produk terhad antara 5 hingga 10 pesanan. Sila ambil maklum bahawa kami tidak selalunya menerima pesanan daripada yang datang terus pada hari berkenaan, terutamanya ketika hari yang mempunyai jumlah kutipan pesanan secara pukal yang tinggi. Kami sangat mengesyorkan anda untuk menghantar e-mel terlebih dahulu berbanding datang terus untuk mengambil pesanan.
7. Hari paling sibuk kami adalah pada hari pertama, hari ke-5 dan hari ke-15 setiap bulan. Masa tambahan mungkin diperlukan untuk menyiapkan permintaan anda. Sekiranya memerlukan masa tambahan, kami akan memberitahu anda melalui e-mel dan panggilan telefon secepat mungkin beserta jangkaan masa untuk kutipan.
8. Untuk sebarang pertanyaan mengenai permintaan kutipan pesanan secara pukal, sila rujuk Soalan Lazim kami atau hantar pertanyaan anda ke malaysia@doterra.com.

SOALAN LAZIM

1. Di manakah lokasi kedai dan bilakah waktu operasi?

Lokasi:

BO3-B-05-01, Menara 3A,
No. 3, Jalan Bangsar, KL Eco City,
59200 Kuala Lumpur

Waktu Operasi:

Isnin – Jumaat: 12:00PM to 8:00PM
Sabtu: 12:00PM to 4:00PM

2. Bagaimanakah cara untuk saya menghantar permintaan kutipan pesanan pukal?

Anda boleh mengisi Borang Permintaan Kutipan Pesanan Secara Pukal dan hantar ke malaysiabulk@doterra.com.

3. Apakah maksud pesanan secara pukal?

Pesanan secara pukal mengandungi 10 atau lebih pesanan ATAU pesanan yang mengandungi 20 atau lebih barang yang sama.

4. Apakah perkhidmatan yang terdapat pada hari Sabtu?

Anda boleh mengambil pesanan secara pukal anda yang telah siap pada hari Sabtu. Kami tidak akan menerima sebarang perkhidmatan permintaan yang datang terus pada hari Sabtu untuk kutipan pesanan secara pukal.

5. Saya telah menghantar permintaan kutipan pesanan secara pukal tetapi saya mempunyai pesanan lain untuk dikutip. Apakah yang patut saya buat?

Malangnya, sebaik sahaja kami menerima permintaan kutipan pesanan secara pukal anda yang pertama, kami tidak akan dapat mengubahnya. Jika anda mempunyai pesanan tambahan, anda boleh memohon di kaunter Pusat Produk. Jika anda mempunyai 10 pesanan tambahan atau lebih, anda boleh menghantar e-mel yang berasingan dan kami akan memprosesnya sebagai permintaan kutipan pesanan secara pukal yang lain. Kami tidak dapat menjamin bahawa permintaan kedua akan selesai pada masa yang sama dengan permintaan pertama.

6. Di mana saya boleh mendapatkan Borang Permintaan Kutipan Pesanan Secara Pukal?

Anda boleh memuat turun Borang Permintaan Kutipan Pesanan Secara Pukal daripada https://www.doterra.com/MY/en_MY/

7. Apakah yang patut saya buat jika saya menghadapi masalah dengan pesanan secara pukal yang telah saya ambil?

Sebarang masalah berkenaan pesanan secara pukal boleh disalurkan kepada Perkhidmatan Pelanggan di +603 2633 7888.

8. Bagaimana cara untuk saya tahu bilakah pesanan secara pukal saya boleh diambil?

E-mel akan dihantar kepada anda apabila pesanan anda telah siap sedia untuk diambil.

9. Bagaimanakah jika saya perlu mengambil pesanan saya terlebih awal?

Kami tidak dapat menjamin pesanan anda akan siap jika anda datang mengambilnya sebelum jangka masa kutipan. Kami menyiapkan permintaan kutipan pesanan secara pukal mengikut turutan yang diterima, dan tidak boleh mengutamakan mana-mana pesanan kerana kekangan masa.

10. Adakah anda menyediakan perkhidmatan kutipan pesanan secara pukal secara datang terus?

Ya, tetapi bergantung kepada pesanan. Perkhidmatan kutipan pesanan secara pukal bagi ahli yang datang terus ke Pusat Produk terhad antara 5 hingga 10 pesanan. Jika jumlah pesanan pukal kami terlalu tinggi, kami berhak untuk menolak sebarang permintaan kutipan pesanan secara pukal yang datang terus. Sila e-mel permintaan kutipan pesanan secara pukal anda kepada kami terlebih dahulu. Ini akan menjimatkan masa anda dan dapat mengelakkan anda daripada perlu menunggu lama di Pusat Produk.

Dikemaskini pada 01042020